

SOALAN NO. 22**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATUK RAIME BIN UNGGI
[TENOM]**

TARIKH : 3 APRIL 2018

SOALAN :

YB Datuk Raime Bin Unggi [Tenom] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini penubuhan mahkamah khas bagi mengendalikan proses pendakwaan dan perbicaraan kes pemerdagangan manusia yang tertunggak di negara ini dan adakah pelantikan hakim di mahkamah khas ini mempunyai kepakaran dalam aspek perdagangan manusia.

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 10 Januari 2018 telah meluluskan penubuhan 6 buah Mahkamah Sesyen Antipemerdagangan Orang (Mahkamah ATIP) di 6 buah negeri iaitu-

- (1) Mahkamah Klang, Selangor;
- (2) Mahkamah Ipoh, Perak;
- (3) Mahkamah Melaka, Melaka;
- (4) Mahkamah Kota Kinabalu, Sabah;
- (5) Mahkamah Muar, Johor; dan
- (6) Mahkamah Balik Pulau, Pulau Pinang.

Penubuhan Mahkamah ATIP dilaksanakan secara berperingkat bermula dengan Mahkamah ATIP Klang. Mahkamah ATIP Klang telah mula beroperasi pada 1 Mac 2018 untuk mengendalikan semua kes pemerdagangan orang di bawah Akta Antipemerdagangan orang dan Penyeludupan Migran 2007 [Akta 670] bagi Negeri Selangor. Mahkamah ATIP Klang ini telah dirasmikan pada 28 Mac 2018. Manakala Mahkamah ATIP di negeri Perak, Melaka, Sabah, Johor dan Pulau Pinang dijangka akan mula beroperasi antara bulan April dan Mei 2018.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Hakim Mahkamah Sesyen yang dilantik untuk mengendalikan kes pemerdagangan orang adalah Pegawai Kehakiman yang kanan iaitu Gred JUSA C (flexi JUSA B). Hakim Mahkamah Sesyen tersebut berpengalaman luas dalam bidang kehakiman dan perundangan serta mempunyai kepakaran dalam aspek perbicaraan kes pemerdagangan manusia. Justeru, pelantikan Hakim Mahkamah Sesyen yang *seniors* ini mampu untuk mengendalikan proses perbicaraan kes pemerdagangan manusia dengan cepat dan berkesan selaras dengan objektif penubuhan Mahkamah tersebut. Garis masa bagi pelupusan/penyelesaian kes pemerdagangan manusia ialah 9 bulan dari tarikh pendaftaran kes di Mahkamah ATIP.

Sekian, terima kasih.

33

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. HAJI ABD.
LATIFF BIN AHMAD
[MERSING]**

TARIKH : 3.4.2018 (SELASA)

SOALAN : 23

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH** menyatakan :-

- a) berapakah jumlah MARA Digital Mall telah dibuka setakat ini. Adakah Kementerian bercadang membuka lebih banyak lagi digital mall di seluruh negara dan setakat manakah sambutan terhadap digital mall berkenaan ; dan
- b) apakah insentif yang disediakan oleh Kementerian bagi membantu peniaga teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) Bumiputera

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Jumlah MARA Digital yang telah dibuka setakat ini adalah sebanyak empat (4) buah iaitu MARA Digital Menara MARA Kuala Lumpur, MARA Digital Anggerik Mall, Shah Alam Selangor, MARA Digital Ipoh, Perak dan MARA Digital Kuantan, Pahang. Keseluruhan lot yang ditawarkan adalah sebanyak 109 lot yang telah dimanfaatkan oleh 58 orang usahawan.

Jumlah jualan terkumpul di seluruh MARA Digital setakat Januari 2018 adalah sebanyak RM37.7 juta. Manakala rekod pengunjung yang datang ke seluruh MARA Digital setakat Januari 2018 adalah sebanyak 2,093,021 orang.

MARA Digital akan diperluaskan ke seluruh negara. Perancangan terdekat ialah pewujudan MARA Digital Johor di Plaza Larkin, Johor dan Mini MARA Digital Melaka di RTC Sg. Rambai, Melaka yang akan beroperasi pada suku pertama tahun 2018. Seterusnya MARA Digital Terengganu, MARA Digital

35

Kelantan dan MARA Digital Sabah dijangka dibuka dalam tahun 2018 dan negeri-negeri lain akan menyusul pada tahun 2019 dan 2020.

Insentif yang disediakan oleh Kementerian bagi membantu peniaga teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) adalah seperti berikut:

- 1) Kemudahan khidmat nasihat daripada pelbagai aspek, antaranya window dressing, khidmat pelanggan dan *negotiation skills* kepada usahawan yang terlibat dalam bidang ICT.
- 2) Kemudahan pembiayaan perniagaan MARA kepada usahawan yang memenuhi syarat.
- 3) Penyediaan ruang niaga yang komprehensif dan strategik.
- 4) Promosi secara berkala untuk usahawan ICT seperti penganjuran program promosi jualan, edaran *flyers*, *bus wrapping*, *bunting*, tayangan di LED *Billboard* dan hebahan melalui media cetak dan elektronik.

SOALAN : 24

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH
(PUTATAN)**

TARIKH : 3 APRIL 2018

RUJUKAN : 10631

SOALAN :

**PR-1361-L05393 Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]
minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-**

**(a) bilakah penubuhan dan pembinaan Ibu Pejabat Polis Daerah
Putatan dilaksanakan dan sebab mengapa Putatan yang berstatus
daerah hanya dianggotai oleh 12 anggota dan hanya diketuai oleh
pegawai berpangkat sub-inspektor; dan**

**(b) sama ada Kementerian bersedia untuk membekalkan daerah
Putatan dengan lebih ramai lagi anggota polis dan kenderaan.**

31

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Balai Polis Putatan terletak di bawah bidang kuasa pentadbiran IPD Penampang, Sabah. PDRM mengakui bahawa terdapat keperluan bagi pembinaan baru balai polis bagi menggantikan balai sedia ada yang disewa termasuk kajian menaik taraf perjawatan bagi menampung perkembangan semasa di daerah ini. Namun, sehingga kini tiada tapak bersesuaian untuk melaksanakan projek tersebut. Projek ini akan disenaraikan dalam masa terdekat sekiranya masalah perolehan tapak berjaya diselesaikan.

SOALAN NO. 25**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN M. KULASEGARAN
[IPOH BARAT]**

TARIKH : 3 APRIL 2018

SOALAN :

YB Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Menteri mempunyai pengetahuan bahawa Jawatankuasa Peguam Perak telah mengusulkan suatu Usulan untuk meninjau kembali isu "Key Performance Index" yang menyebabkan berlakunya ketidakadilan dan juga isu mengenai kekurangan jurubahasa di Mahkamah dan apakah tindakan yang telah diambil terhadap Usulan tersebut setakat ini.

29

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan rekod, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia Pendaftar (PKPMP) tidak pernah menerima apa-apa Usul daripada Jawatankuasa Peguam Perak berkenaan isu "Key Performance Index" (KPI) yang menyebabkan berlakunya ketidakadilan dan isu kekurangan jurubahasa di Mahkamah sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Semakan juga telah dibuat dengan Pengarah Mahkamah Negeri Perak dan juga Mahkamah Tinggi Ipoh dan tiada Usul sedemikian diterima.

PKPMP juga telah menghubungi Sekretariat Jawatankuasa Peguam Perak berkenaan perkara ini dan dimaklumkan perkara tersebut hanya dibincangkan dalam Mesyuarat Agung Tahunan Jawatankuasa Peguam Perak yang diadakan pada 9 Februari 2018 namun setakat ini tiada Usul yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Peguam Perak kepada PKPMP atau Pejabat Menteri.

PKPMP ingin menegaskan bahawa penetapan KPI dalam pengendalian kes oleh pegawai kehakiman tidak akan menjejaskan keadilan terhadap pihak-pihak mahupun orang awam kerana konsep KPI yang diamalkan berteraskan sasaran penyelesaian kes bagi mengelakkan berlakunya kes-kes tertunggak (*backlog of cases*) di Mahkamah. KPI ini telah dimulakan sejak tahun 2009 dan berjalan dengan baik serta mendapat pengiktirafan

dari Bank Dunia dalam Laporan pada tahun 2011 yang mencadangkan negara-negara lain mengambil contoh Malaysia sebagai panduan dalam menangani masalah kes-kes tertunggak (*backlog of cases*).

Bagi isu kekurangan jurubahasa pula, Bahagian Pengurusan PKPMP akan mengadakan temuduga bagi pengambilan 55 orang jurubahasa baharu pada bulan April 2018 merangkumi beberapa jenis bahasa. Penempatan jurubahasa baharu yang dilantik di mahkamah-mahkamah yang terlibat juga dijangka selesai pada bulan Jun 2018.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. EWON BIN
EBIN [RANAU]**

TARIKH : 3.4.2018 (SELASA)

SOALAN : 26

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH** menyatakan :-

- a) apakah status permohonan bagi cadangan pembinaan jambatan Kampung Walau Ranau dan cadangan pembinaan jalan raya ke Kampung Tinanom Ranau; dan
- b) berapakah jumlah dana yang telah diluluskan bagi cadangan kedua-dua projek ini.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, cadangan Projek Membina Jalan Kg. Walau – Kg. Tinanom, Sabah telah diluluskan di bawah *Rolling Plan* Ketiga, Rancangan Malaysia Kesebelas (RP3, RMKe-11) Tahun 2018. Projek ini telah diluluskan dengan peruntukan sebanyak RM54.37 juta dan skop kerja bina baru jalan sepanjang 8 km dan sebuah jambatan. Status projek terkini adalah diperingkat perancangan dan kerja-kerja awalan.

Manakala bagi cadangan Projek Naiktaraf Jalan Tampias – Tinanom, Sabah dengan peruntukan sebanyak RM130 juta telah tersenarai di bawah Senarai Keutamaan Negeri Sabah dan akan dipohon pelaksanaannya di bawah *Rolling Plan* Keempat, Rancangan Malaysia Kesebelas (RP4, RMKe-11) Tahun 2019. Walau bagaimanapun, kelulusan pelaksanaan adalah tertakluk kepada kelulusan oleh pihak Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) dan kedudukan semasa kewangan kerajaan.

43

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG
[SIBUTI]**

TARIKH : 3 APRIL 2018 (SELASA)

SOALAN : 27

Datuk Haji Ahmad Lai Bin Bujang [Sibuti] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah tindakan Kementerian untuk campur tangan mengenai kenderaan Malaysia yang mengikut piawaian cermin gelap Malaysia disaman apabila melalui negara Brunei dan jumlah saman dikenakan sebanyak Brunei Dollar 50.

JAWAPAN

Tuan Yang-Dipertua

Kerajaan Malaysia dalam perancangan untuk mengadakan perbincangan Dua-Hala (Bilateral) dengan Negara Brunei dalam masa terdekat yang turut melibatkan perbincangan mengenai isu cermin gelap pada kenderaan yang dikuatkuasakan di bawah perundangan negara masing-masing. Ini memandangkan Negara Brunei tidak membenarkan penggunaan cermin gelap pada kenderaan berbanding Malaysia yang menetapkan peratusan kadar ketelusan cahaya di bawah Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Larangan Mengenai Jenis-Jenis Kaca Tertentu) Pindaan 2016. Perbincangan Dua Hala dengan Negara Brunei kelak diharap dapat mencapai satu *mutual understanding* di antara Malaysia dan Brunei berhubung perkara ini.

45

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]

TARIKH : 03 APRIL 2018 (SELASA)

SOALAN : 28

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada projek pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang akan termasuk mengatasi masalah banjir yang disebabkan oleh PIA kepada kawasan sekitar seperti Jalan Sultan Azlan Shah, depan Robert Bosch, blok K (Sungai Tiram) dan Kg Naran (Sungai Hitam).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, menurut Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS) Pulau Pinang, masalah banjir yang berlaku di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) bukan berpunca daripada projek-projek di LTAPP tetapi ianya dipercayai berpunca daripada pembangunan pesat di kawasan sekitar LTAPP. Walau bagaimanapun, Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) telah mengambil tindakan bagi mengatasi masalah banjir dengan membina beberapa *On Site Detention Pond (OSDP)*. Antara kawasan-kawasan yang telah dibina OSDP oleh pihak MAHB adalah di kawasan *Baggage Handling System (BHS)*, kawasan parkir kenderaan kakitangan dan parkir *Turbo Propeller Aircraft*. Sebanyak dua buah OSDP telah siap dibina iaitu pada 7 Julai 2015 dan 14 Mei 2017. Pada masa yang sama, MAHB sentiasa memberi kerjasama dengan JPS Pulau Pinang dengan mengadakan perbincangan bagi mengatasi masalah banjir ini yang mungkin berlaku pada masa hadapan.

40

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' IR. NAWAWI BIN
AHMAD [LANGKAWI]**

TARIKH : 3.4.2018 (SELASA)

SOALAN : 29

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH** menyatakan apakah Kementerian
bercadang untuk membina sebuah RTC (Pusat
Transformasi Luar Bandar) di Pulau Langkawi bagi
memudahkan penduduk Langkawi dan pelancong yang
datang ke Langkawi berurusan dengan RTC.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) merupakan salah satu inisiatif di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (National Blue Ocean Strategy - NBOS). Ia bertujuan menyediakan pelbagai perkhidmatan utama Kerajaan dan sektor swasta kepada komuniti luar bandar dan diterajui oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW).

Secara dasarnya, pembinaan RTC pada masa ini ialah 1 RTC di setiap negeri Semenanjung dan lebih dari satu RTC bagi negeri Sabah dan Sarawak mengambil kira keadaan geografinya yang luas. Bagi negeri Kedah, sebuah RTC di telah diwujudkan di Napoh.

Pada masa ini, Kementerian tidak bercadang untuk menubuhkan sebuah lagi RTC di negeri Kedah iaitu Langkawi. Keadaan ini turut disokong oleh kewujudan UTC Perlis (Kangar) yang baru sahaja diwujudkan tahun lalu sekaligus telah menyediakan ruang kondusif

49

penawaran perkhidmatan transaksi kerajaan yang berkaitan.

Walau bagaimanapun, Kementerian ini tidak menolak sekiranya pada masa hadapan wujud keperluan mendesak bagi RTC ditubuhkan di Langkawi dan Kementerian akan melihat kepada faktor kesesuaian dan kemampuan kewangan negara.